

Pakej rangsangan ekonomi tumpu empat sektor

BH-17/2/2020 m/s: 2

Pembentangan pada 27 Februari dalam usaha kerajaan kurang impak penularan COVID-19

Oleh Rohaniza Idris, Alzahrin Alias dan Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Kuala Selangor: Empat sektor iaitu pelancongan, pembuatan, pelaburan domestik dan pembinaan akan menjadi tumpuan pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, tidak lama lagi.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pakej itu juga akan mengukuhkan lagi sektor pelancongan domestik, meningkatkan dan menaik taraf produk serta tarikan pelancongan di seluruh negara.

Katanya, sektor pelancongan, peruncitan dan penerbangan paling terkesan akibat penularan COVID-19 berdasarkan statistik terbaru.

"Banyak pelancong membatalkan tempahan hotel dan penerbangan, malah acara, seminar serta persidangan juga ter-


paksa dibatalkan.

"Maka sektor ini tentunya tumpuan utama kita dalam pakej rangsangan ekonomi itu nanti," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Laman Haris kepada peneroka Rancangan Revolusi Hijau di Eco Grandeur Puncak Alam di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Sebelum ini, dilaporkan pakej rangsangan ekonomi akan diumumkan Dr Mahathir pada 27 Februari ini dalam usaha kerajaan mengurangkan impak ekonomi luaran berikutan penularan COVID-19.

Mohamed Azmin berkata, tumpuan juga kepada pelaburan domestik supaya tidak ada kebergantungan kepada pelaburan

 **Sektor pelancongan, peruncitan dan penerbangan paling terkesan akibat penularan COVID-19 berdasarkan statistik terbaru.**

Mohamed Azmin Ali,
Menteri Hal Ehwal Ekonomi

langsung asing (FDI).

"FDI memang penting dan baik untuk negara, terutama dalam menghasilkan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

"Tumpuan kepada sektor pembuatan dan pelaburan domestik ini supaya kita dapat memproses bahan mentah, bukan hanya untuk kegunaan sendiri, tetapi juga dieksport ke luar negara," katanya

Mohamed Azmin berkata, sektor pembuatan domestik juga dapat meningkatkan produktiviti dan penerokaan hasil baharu untuk meningkatkan lagi pendapatan negara.

Beliau berkata, sektor pembinaan juga akan diberikan perhatian kerana banyak bahan mentah dalam sektor itu yang diimport dari negara yang terkesan dengan penularan COVID-19.

"Sektor pembinaan pula perlu dibantu kerana ia dapat mengimbangkan pencapaian keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), malah statistik menunjukkan peningkatan dari negatif (-1.5 peratus) kepada satu peratus pada suku tahun keempat tahun lalu," katanya.

Baru-baru ini, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata pakej rangsangan itu bukan belanjawan baharu atau sebahagian daripada dasar Belanjawan 2020, sebaliknya bantuan disalurkan kepada sektor yang terkesan.